

UM.NC/PNCSK/SDC/517

13 Ogos 2024

Ahli Pengurusan Universiti:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Pemangku Pendaftar

Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah Pusat Komunikasi Korporat

Ketua, Bahagian Perundangan

Ketua PTj/Ketua Jabatan:

Dekan/Pengarah

Akademi/Institut/Fakulti Pusat

Pengarah Eksekutif/Pengarah

Jabatan/Pusat/Bahagian

Pengetua Kolej Kediaman

Pengurus Fakulti/Wakil Portfolio

YBhg. Dato' Seri/Datuk/ Dato'/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN DAN PELAKSANAAN SIFAR PLASTIK SEKALI GUNA (*ZERO SINGLE-USE PLASTICS*) DI UNIVERSITI MALAYA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/Datuk/ Dato'/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, sejajar dengan saranan Kerajaan Malaysia berkenaan Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2024, Universiti Malaya menyokong penuh hasrat yang telah dinyatakan ini. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Malaya (JKPU) Bil. 8 Tahun 2024 bertarikh 7 Ogos 2024 telah **bersetuju untuk melaksanakan Garis Panduan dan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastic*) di Universiti Malaya.**

3. Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC) telah mengenal pasti beberapa strategi pengurangan penggunaan plastik sekali guna yang boleh dilaksanakan di Universiti Malaya. Bagi Fasa Peralihan (8 Ogos 2024 sehingga 31 Oktober 2024) pelaksanaan ini, penggantian botol plastik sekali guna terutamanya air mineral kepada penggunaan botol kaca, jag air dan seumpamanya akan dilaksanakan secara berperingkat. Pelaksanaan penuh garis panduan dan pelaksanaan sifar plastik sekali guna (*zero single-use plastics*) ini adalah pada 1 November 2024. Garis Panduan Pelaksanaan

adalah sebagaimana dilampirkan untuk perhatian dan tindakan lanjut YBhg. Dato' Seri/Datuk/ Dato'/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

4. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/Datuk/ Dato'/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan juga, inisiatif ini mampu memberi impak positif ke atas penarafan universiti di peringkat antarabangsa seperti *UI GreenMetric World University Ranking (UIGM)*, *QS World University Rankings – Sustainability*, dan *Times Higher Education (THE) Impact Rankings*. Justeru, pihak kami berharap agar semua pihak dapat menyokong dan memberikan kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan ini selari dengan agenda kelestarian Universiti Malaya.

5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato' Seri/Datuk/ Dato'/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai UMSDC:

Encik Affan Nasaruddin
Pegawai Penyelidik
affannasaruddin@um.edu.my


Encik Mohd Fadhli Rahmat Fakri
Pegawai Penyelidik
fadhli@um.edu.my

Segala kerjasama dan sokongan YBhg. Dato' Seri/Datuk/ Dato'/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

Home of the Bright, Land of the Brave
Di Sini Bermulanya Pintar, Tanah Tumpahnya Berani.

Yang benar,



PROFESOR DR. YAHAYA AHMAD
Penolong Naib Canselor (Strategi Korporat)

s.k. Pengarah, Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC)
Pengarah, Eko Kampus, UMSDC